



Rider **Medi-Shifa**

Perlindungan Menyeluruh Untuk
Ketenangan Fikiran



Sila kunjungi mana-mana cawangan kami atau
hubungi 03-7650-1800
Layari www.hlmtakaful.com.my



Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Hong Leong MSIG Takaful Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Hong Leong MSIG Takaful Berhad adalah ahli PIDM.



Kesehatan
adalah asas
kehidupan yang
mempengaruhi
kerjaya, hubungan
dan keseluruhan
kebahagiaan kita.

Pelindung Anda Terhadap Ketidakpastian Kesihatan

Namun begitu, perbelanjaan perubatan ketika kecemasan dan penyakit yang sukar diramalkan boleh memberi kesan besar kepada kewangan.

Di sinilah **Rider Medi-Shifa** akan menjadikan ianya berbeza dengan menawarkan perlindungan perubatan menyeluruh bagi memastikan anda menerima rawatan terbaik pada masa yang diperlukan, daripada rawatan pencegahan sehingga ke rawatan khusus.

Sama ada anda dimasukkan ke hospital untuk masalah kesihatan yang serius atau lawatan ke fasiliti kesihatan untuk prosedur pembedahan kecil, pelan ini memastikan anda menerima rawatan yang diperlukan tanpa bimbang tentang beban kewangan.

Dengan peningkatan kos perubatan, **Rider Medi-Shifa** juga menyediakan pilihan pelan dan deduktibel yang boleh disesuaikan dengan keperluan anda serta membolehkan anda menguruskan perjalanan penjagaan kesihatan anda dengan lebih yakin dan tenang.



BAGAIMANA RIDER **MEDI-SHIFA** MEMBANTU MELINDUNGI KESIHATAN DAN KESEJAHTERAAN ANDA



Perlindungan Menyeluruh

Pelan perubatan ini menawarkan pelbagai perkhidmatan, termasuk penjagaan sebelum dan selepas dimasukkan ke hospital, manfaat pesakit luar serta perlindungan komprehensif seperti yang disenaraikan di bawah, selain perlindungan asas, bagi memastikan anda menerima rawatan yang terbaik pada masa yang diperlukan.

- ✓ Rawatan Penyakit Berjangkit
- ✓ Perubatan Ketepatan Kanser yang menyesuaikan rawatan mengikut keperluan pemulihan unik anda
- ✓ Manfaat Kesihatan Mental
- ✓ Rangsangan Otak Dalam (DBS) bagi Penyakit Parkinson

Penyelesaian Fleksibel mengikut Keselesaan Anda

Kami sedia maklum bahawa setiap individu mempunyai keperluan penjagaan kesihatan yang unik. **Rider Medi-Shifa** menawarkan empat pilihan plan dan empat pilihan deduktibel yang berbeza bagi memastikan ianya sesuai dengan keperluan dan kemampuan anda.

Bilik dan Penginapan

- Pelan 150
- Pelan 200
- Pelan 300
- Pelan 500

Deduktibel¹

- RM500
- RM3,000
- RM20,000 (pra-persaraan) & RM500 (selepas persaraan)
- RM20,000 (pra-persaraan) & RM5,000 (selepas persaraan)

Tempoh pra-persaraan dan selepas persaraan merujuk kepada masa sebelum dan selepas mencapai umur persaraan 60 tahun.



¹ Deduktibel adalah amaun tetap yang perlu anda bayar setiap tahun untuk tuntutan ke atas perbelanjaan perubatan yang layak sebelum Rider Medi-Shifa menanggung baki perbelanjaan perubatan yang layak.

Kekal Setia dan Dapatkan Ganjaran



Kesetiaan anda layak mendapat pengiktirafan dan ganjaran. Sekiranya anda kekal bersama kami, had manfaat Bilik dan Penginapan anda akan meningkat sebanyak RM50 setiap 10 tahun, sehingga maksimum 3 kali seumur hidup. Ini memastikan anda dilindungi daripada peningkatan kos kesihatan, maka anda boleh menumpukan perhatian terhadap proses pemulihan tanpa perlu bimbang tentang kewangan.

Peningkatan Had Tahunan dengan Rider Million Plus

Tidak perlu risau sekiranya anda mencapai had tahunan dengan cepat. **Rider Million Plus** menawarkan pilihan untuk menambah had tahunan sebanyak RM1 juta setiap tahun sekiranya anda memerlukan rawatan perubatan tambahan.



GANJARAN TIADA TUNTUTAN



Sekiranya anda mempunyai rekod bebas tuntutan dalam tempoh **5 tahun**



Had Tahunan anda akan **meningkat sebanyak 10%**



Peningkatan maksimum adalah sehingga **50% daripada Had Tahunan Permulaan**



JADUAL MANFAAT

Jenis Pelan	Pelan 150	Pelan 200	Pelan 300	Pelan 500
Had Keseluruhan	Had (RM)			
Had Tahunan Permulaan (setiap Tahun Rider)	150,000	200,000	300,000	500,000
Had Seumur Hidup	Tiada Had Seumur Hidup			
Manfaat Penghospitalan				
1. Bilik & Penginapan Hospital (Had sehari, tiada had bilangan hari) <u>Peningkatan Manfaat Bilik & Penginapan Hospital</u> Peningkatan automatik bagi had manfaat Bilik & Penginapan sebanyak RM50 untuk setiap 10 tahun, sehingga maksimum 3 kali seumur hidup.	150	200	300	500
2. Elaun Tunai Harian di Hospital Kerajaan Malaysia² (Had sehari, tiada had bilangan hari)	50	200		
3. Unit Rawatan Rapi (Sehingga 75 hari bagi setiap Tahun Rider)	Seperti yang dicaj, tertakluk kepada Had Tahunan ⁶			
4. Yuran Dalam Hospital yang Berkaitan <ul style="list-style-type: none"> • Bekalan & Perkhidmatan Hospital • Perbelanjaan Penginapan Penjaga (sehingga 150 hari bagi setiap Tahun Rider) • Yuran Pembedahan (Termasuk penilaian pra-pembedahan dalam tempoh 90 hari sebelum kemasukan ke hospital, lawatan pakar, ubat-ubatan dan penjagaan selepas pembedahan dalam tempoh 90 hari dari tarikh pembedahan) • Yuran Pakar Bius dan Bilik Pembedahan • Lawatan Pakar Perubatan dalam Hospital (Sehingga 2 lawatan sehari, maksimum 150 hari bagi setiap Tahun Rider) • Yuran Rawatan Fisioterapi dalam Hospital 				
5. Yuran Ambulans				
Manfaat Pesakit Luar				
6. Pra-Penghospitalan (Dalam tempoh 90 hari sebelum penghospitalan)				
• Ujian Diagnostik	Seperti yang dicaj, tertakluk kepada Had Tahunan ⁶			
• Rundingan Pakar				
• Ubatan dan Rawatan				

Jenis Pelan	Pelan 150	Pelan 200	Pelan 300	Pelan 500				
7. Selepas Penghospitalan (Dalam tempoh 90 hari selepas keluar dari hospital)	Seperti yang dicaj, tertakluk kepada Had Tahunan ⁶							
• Ubatan dan Rawatan	Seperti yang dicaj, tertakluk kepada Had Tahunan ⁶							
• Rawatan Perubatan Alternatif ³	Sehingga 1,000 atau 10 lawatan bagi setiap Tahun Rider							
8. Rawatan Dialisis Buah Pinggang Pesakit Luar	Seperti yang dicaj, tertakluk kepada Had Tahunan ⁶							
9. Rawatan Kanser Pesakit Luar								
10. Rawatan Fisioterapi Pesakit Luar (Dalam tempoh 90 hari dari tarikh keluar hospital bagi hilang upaya bukan pembedahan atau tarikh pembedahan)								
11. Prosedur dan Pembedahan Harian (Termasuk penilaian pra-pembedahan dalam tempoh 90 hari sebelum tarikh pembedahan, lawatan pakar, ubat-ubatan dan penjagaan selepas pembedahan dalam tempoh 90 hari dari tarikh pembedahan)								
12. Rawatan Kecemasan Pesakit Luar Akibat Kemalangan (termasuk Rawatan Gigi) dan 30 hari rawatan susulan								
13. Rawatan Pesakit Luar untuk • Demam Denggi • Demam Chikungunya • Penyakit Tangan, Kaki & Mulut (HFMD) • Virus Zika • Demam Campak • Influenza	2,000 bagi setiap Tahun Rider, Sehingga 20,000 seumur hidup							
Manfaat Lain								
14. Pemindahan Organ	Seperti yang dicaj, tertakluk kepada Had Tahunan ⁶							
15. Rangsangan Otak Dalam (DBS) bagi Penyakit Parkinson	100,000 setiap Tahun Rider							
16. Lensa Intraokular	Sehingga 3,000 setiap pembedahan bagi setiap mata dan 6,000 seumur hidup							
17. Imunisasi Haji/Umrah					300 setiap 2 Tahun Rider			
18. Penjagaan Kejururawatan di Rumah (Limit setiap hari, sehingga 180 hari seumur hidup)					60	80	120	
19. Manfaat Kesihatan Mental Bayaran Ubatan dan Rawatan untuk keadaan-keadaan di bawah: • Gangguan Depresi Yang Teruk • Gangguan Bipolar • Skizofrenia • Gangguan Tekanan Selepas Trauma • Gangguan Skizoafektif • Gangguan Obsesif Kompulsif (OCD) Teruk	500 bagi setiap Tahun Rider, Sehingga 5,000 seumur hidup	2,000 bagi setiap Tahun Rider, Sehingga 20,000 seumur hidup						

Jenis Pelan	Pelan 150	Pelan 200	Pelan 300	Pelan 500
20. Pemindahan & Penghantaran Balik Kecemasan⁴	250,000 bagi setiap kejadian			
Perubatan Ketepatan Kanser⁵				
21. Ujian Genomik Untuk diagnosis Kanser	Sehingga 20,000 seumur hidup			
22. Terapi Sasaran untuk Kanser	Sehingga 100,000 bagi setiap Tahun Rider untuk setiap item			
23. Imunoterapi untuk Kanser				
24. Radioterapi Modulasi Keamatan (IMRT)				
25. Terapi Radiasi Pancaran Proton (PBRT)				
26. Terapi Radiasi Pancaran Neutron (NBRT)				
27. Sel Stem untuk Pemindahan Sel Hematopoietik untuk Malignansi Hematologi				
28. Cyberknife – Pembedahan Radio Stereotatik untuk Tumor Otak dan Tulang Belakang				
29. Kryoablasi untuk Kanser	Seperti yang dcaj, tertakluk kepada Had Tahunan ⁶			
30. Brakiterapi untuk Kanser				
31. Pembedahan Robotik untuk Kanser Prostat (Prostatektomi Robotik)				
32. MRI Parametrik Berbilang (mpMRI) untuk Kanser Prostat				

Manfaat di bawah Rider Million Plus (jika dilampirkan)	
Had Tahunan Keseluruhan (bagi setiap Tahun Rider)	1,000,000
Had Seumur Hidup	Tiada Had Seumur Hidup

- ² Tidak termasuk sebarang kemasukan ke hospital di bawah skim Perkhidmatan Pesakit Bayar Penuh (FPP).
- ³ Rawatan Perubatan Alternatif merujuk kepada praktis seperti kiropraktik, kiropodi, homeopati, osteopati, akupuntur atau amalan perubatan tradisional dan komplementari, yang diberikan oleh Pengamal Perubatan Umum yang mengamalkannya mengikut bidang kepakaran kerjanya dan berdaftar dengan Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari Kementerian Kesihatan Malaysia atau Pihak Berkuasa Kawalan Dadah, atau sebagaimana yang diperuntukkan di bawah sebarang undang-undang atau peraturan semasa atau masa depan.
- ⁴ Manfaat ini tidak tertakluk kepada Had Tahunan.
- ⁵ Rawatan yang dilindungi di bawah manfaat ini adalah terpakai bagi Kanser berdasarkan keterukan tertentu dan tidak melindungi kanser tahap awal. Manfaat ini tidak dilindungi di bawah Rider Million Plus (jika dilampirkan).
- ⁶ Pembayaran balik Manfaat ini akan tertakluk kepada Caj Munasabah dan Biasa. Caj untuk penjagaan perubatan yang Perlu Dari Segi Perubatan akan dianggap munasabah dan lazim selagi caj tersebut tidak melebihi kadar bayaran yang biasa dikenakan oleh pihak lain yang setaraf di Malaysia. Caj-caj tersebut apabila dikenakan, dengan mengambil kira rawatan, perkhidmatan atau bekalan yang serupa atau setara untuk individu dengan jantina yang sama dan usia yang serupa bagi keuzuran, penyakit atau kecederaan yang sama, dan selaras dengan piawaian dan amalan perubatan yang diterima, tidak boleh dikecualikan tanpa memberi kesan buruk terhadap keadaan perubatan Orang Dilindungi.



BAGAIMANAKAH DEDUKTIBEL ANDA BERFUNGSI

Anda boleh menikmati penjimatan sehingga 67% terhadap caj Tabarru' anda, bergantung kepada jumlah deduktibel dan pilihan Bilik & Penginapan yang anda pilih. Pilihan deduktibel yang dipilih menentukan amaun yang anda perlu bayar setiap tahun untuk sebarang tuntutan ke atas perbelanjaan perubatan yang layak sebelum **Rider Medi-Shifa** menanggung baki bil anda.



RM500

Pilih pilihan deduktibel terendah ini yang sesuai dengan kemampuan anda untuk perlindungan perubatan.



RM3,000

Pilih pilihan deduktibel ini dengan sumbangan yang berpatutan jika anda memerlukan pelan perubatan tambahan untuk melengkapkan perlindungan majikan anda atau mana-mana pelan insurans atau takaful perubatan lain.



Pra-Persaraan

RM20,000

Selepas Persaraan

RM500/RM5,000

Pilih pilihan deduktibel ini untuk perlindungan yang paling menjimatkan dengan sumbangan terendah jika anda telah dilindungi oleh perlindungan perubatan majikan anda semasa bekerja atau mana-mana pelan insurans atau takaful perubatan lain. Ia juga memastikan anda tidak akan menghabiskan simpanan untuk perbelanjaan perubatan semasa persaraan.

Mari lihat bagaimana deduktibel digunakan untuk setiap orang dilindungi ini.

Pelan 300



Had Tahunan:
RM300,000

Deduktibel:
RM20,000
(pra-persaraan)
& RM500 (selepas persaraan)

Perbelanjaan Perubatan yang Layak: RM35,000

Pada usia 35 tahun, Kamal perlu dimasukkan ke hospital untuk pembedahan penggantian sendi lutut. Beliau **menggunakan perlindungan perubatan syarikat yang melindunginya sehingga RM20,000** untuk membayar deduktibel. Baki perbelanjaan perubatan yang layak sebanyak RM15,000 akan ditanggung oleh **Rider Medi-Shifa**.

Perbelanjaan Perubatan yang Layak: RM50,000

Kamal telah bersara dan hanya dilindungi oleh **Rider Medi-Shifa** untuk keperluan perubatannya. Pada usia 65 tahun, Kamal memerlukan rawatan hospital untuk pembedahan tulang belakang. Beliau hanya perlu **membayar deduktibel sebanyak RM500**. Baki perbelanjaan perubatan yang layak sebanyak RM49,500 akan ditanggung oleh **Rider Medi-Shifa**.

Pelan 200



Had Tahunan:
RM200,000

Deduktibel:
RM500

Perbelanjaan Perubatan yang Layak: RM2,000

Pada bulan April, Suriyati perlu dimasukkan ke hospital untuk pembedahan pembuangan sista (cyst). Beliau hanya perlu **membayar deduktibel sebanyak RM500**. Baki perbelanjaan perubatan yang layak sebanyak RM1,500 akan ditanggung oleh **Rider Medi-Shifa**.

Perbelanjaan Perubatan yang Layak: RM5,000

Kemudiannya pada bulan Jun, Suriyati dimasukkan ke hospital untuk pembedahan pembuangan tonsil. Oleh kerana **deduktibel telah dibayar bagi tahun rider tersebut**, beliau tidak perlu membayar deduktibel itu lagi. Jumlah perbelanjaan perubatan yang layak sebanyak RM5,000 akan ditanggung oleh **Rider Medi-Shifa**.

Deduktibel adalah tidak terpakai dalam keadaan tertentu, termasuk:

- Elaun Tunai Harian di Hospital Kerajaan Malaysia
- Rawatan Kecemasan
- Manfaat Rawatan Kanser Pesakit Luar
- Manfaat Rawatan Dialisis Buah Pinggang Pesakit Luar
- Rawatan yang diterima di Hospital Kerajaan Malaysia, tidak termasuk skim Perkhidmatan Pesakit Bayar Penuh (FPP). Ianya tidak termasuk Hospital Kerajaan Malaysia yang diswastakan atau dikorporatkan seperti Hospital Swasta atau Hospital Separa Kerajaan.



Nota: Perbelanjaan Perubatan yang Layak adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja.

SOALAN LAZIM

1. Apa itu Medi-Shifa?

Medi-Shifa adalah rider perubatan yang meliputi perbelanjaan kemasukan ke hospital, pembedahan, bersama-sama dengan manfaat tambahan lain, tanpa had seumur hidup.

2. Siapakah yang layak mendapat perlindungan di bawah Medi-Shifa?

Mana-mana individu yang berumur antara 30 hari dan 70 tahun layak mendapat perlindungan di bawah Medi-Shifa sebagai rider yang boleh dilampirkan pada pelan HLM Takaful i-Flexi Protect 2.

3. Apakah tempoh perlindungan untuk Medi-Shifa?

Tempoh perlindungan rider akan mengikut tempoh perlindungan pelan asas anda.

4. Apakah yuran dan caj untuk Medi-Shifa?

Yuran dan Caj	Penerangan
Tabarru'	Tabarru' akan ditolak secara bulanan daripada Akaun Peserta (PA) dan diperuntukkan ke dalam Dana Risiko Peserta (PRF) untuk membayar perlindungan takaful anda. Amaun Tabarru' bergantung kepada umur Orang Dilindungi, jantina, kelas pekerjaan, pelan yang dipilih, pilihan deduktibel dan keadaan kesihatan. Kadar Tabarru' adalah tidak dijamin.
Yuran Pentadbiran Pihak Ketiga (TPA)	RM2.50 setiap bulan tertakluk kepada sebarang cukai yang dikenakan.

5. Apakah pengecualian utama untuk Medi-Shifa?

Medi-Shifa tidak melindungi sebarang kemasukan ke hospital, pembedahan atau bayaran yang disebabkan oleh mana-mana kejadian yang disenaraikan di bawah. Sila ambil perhatian bahawa senarai ini adalah tidak lengkap dan rujuk Sijil Takaful Tambahan untuk pengecualian penuh.

- Penyakit sedia ada;
- Penyakit Tertentu yang berlaku dalam tempoh 120 hari dari tarikh pengeluaran, tarikh perubahan berkuat kuasa atau tarikh pengembalian semula, mana yang terkemudian;
- Sebarang Hilang Upaya yang berlaku dalam tempoh 30 hari dari tarikh pengeluaran, tarikh perubahan berkuat kuasa atau tarikh pengembalian semula, mana yang terkemudian kecuali untuk kecederaan akibat kemalangan;
- Keadaan Kesihatan Mental yang berlaku dalam tempoh 90 hari dari tarikh pengeluaran, tarikh perubahan berkuat kuasa atau tarikh pengembalian semula, mana yang terkemudian;
- Kecederaan yang dilakukan sendiri atau bunuh diri atau cubaan bunuh diri, sama ada dalam keadaan waras atau tidak waras;
- Peperangan atau sebarang tindakan perang, yang diisytiharkan atau tidak, kegiatan jenayah atau penganas, tugas aktif dalam mana-mana angkatan bersenjata, penyertaan secara langsung dalam mogok, rusuhan dan kekacauan awam atau pemberontakan.

NOTA PENTING

1. Risalah ini memberikan ringkasan tentang ciri-ciri utama rider ini dan tidak membentuk satu sijil Takaful. Anda hendaklah membaca Helaian Pendedahan Produk untuk maklumat lanjut dan Sijil Takaful Tambahan untuk terma dan syarat lengkap di bawah rider ini.
2. Anda harus berpuas hati bahawa rider ini adalah yang terbaik untuk memenuhi keperluan anda.
3. Anda harus memberikan maklumat yang mencukupi dan tepat kepada kami supaya nasihat yang sesuai dan kesesuaian pelan Takaful untuk memenuhi keperluan dan keadaan anda boleh diberikan kepada anda.
4. Jika sijil asas yang mana rider ini dilampirkan dibatalkan dalam tempoh bertenang selama 15 hari dari tarikh penghantaran Sijil Takaful Tambahan, sumbangan yang telah anda bayar ditolak sebarang perbelanjaan perubatan yang telah ditanggung akan dikembalikan kepada anda.
5. Kadar Tabarru' untuk rider ini adalah tidak dijamin dan Hong Leong MSIG Takaful Berhad berhak untuk mengubah Tabarru' dengan memberikan Peserta 30 hari notis bertulis sebelum melaksanakan kadar yang diubah. Untuk kadar Tabarru' lengkap, sila layari www.hlmtakaful.com.my
6. Rider ini tidak akan memberikan sebarang bayaran daripada PRF untuk penamatan awal atau penyerahan Sijil Takaful Tambahan.
7. Semua umur yang dinyatakan di dalam risalah ini adalah berdasarkan pada umur hari jadi berikutnya.
8. Jika anda memerlukan maklumat tambahan tentang Takaful perubatan dan kesihatan, sila rujuk risalah *insuranceinfo* mengenai "Takaful Perubatan dan Kesihatan" di mana-mana cawangan kami atau layari www.hlmtakaful.com.my.
9. Hong Leong MSIG Takaful Berhad merupakan Pengendali Takaful yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Panel Hospital

Untuk senarai panel hospital, sila layari

<https://www.hlmtakaful.com.my/ms/support-services/medical-assistance/panel-hospital.html>

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi ejen HLM Takaful yang mesra hari ini!



Diunderait oleh:

Hong Leong MSIG Takaful Berhad 200601018337 (738090-M)

Hong Leong MSIG Takaful Berhad adalah ahli
Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM).

Untuk maklumat lanjut atau sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Ibu Pejabat

Tingkat 5, Menara B, PJ City Development,
No. 15A, Jalan 219, Seksyen 51A,
46100 Petaling Jaya,
Selangor, Malaysia.

Tel: 03-7650 1800

Emel: ReachUs@takaful.hongleong.com.my



www.hlmtakaful.com.my



Hong Leong MSIG Takaful Berhad



hlmtakaful